

# Sangkal Hang Tuah kisah mitos

» **Bukti berdasarkan kajian empirikal, artifak**

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**  
mnasaruddin@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sejarawan di negara ini berpendapat bahawa Hang Tuah wujud berdasarkan kajian empirikal dan penemuan bukti artifak.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rohaidah Kamaruddin, turut menyangkal dakwaan bahawa kisah-pahlawan Melaka itu hanya mitos.

Beliau yang terbabit dalam kajian menjejaki asal-usul kepahlawanan Melayu itu dengan mengumpul dapatan dari dalam dan luar negara, turut khawatir dengan sentimen dimainkan media kebangsaan ini, yang mempersoalkan kewujudan Hang Tuah.

“Saya berpendapat dalam ka-



Rohaidah dan Karyawan Tamu Dewan Bahasa, Dr Harun Mat Piah dan Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara, Faizal Hilmi Yusof melihat manuskrip Hang Tuah yang terdapat di Perpustakaan Negara.

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]



langan ahli sejarah dan sejarawan sendiri, tidak pernah ada perbezaan pendapat, malah semuanya konsisten bahawa Hang Tuah itu wujud, bukan cerita do-  
ngeng atau mitos.

“Prof Emeritus Dr Ahmat Adam (Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya) hanya membangkitkan soal mengenai peng-

gunaan nama Hang Tuah iaitu ‘Tuah’ atau ‘Tuha’ berdasarkan ejaan ta’ ‘wa’ ‘ha’, bukan membawa maksud individu itu tidak wujud,” katanya.

## Sama pandangan

Beliau berkata demikian mengulas laporan media mengenai persoalan kewujudan Hang Tuah dengan merujuk hujah disentuh Ahmat ketika menjadi panel pada satu seminar anju-

ran Jabatan Sejarah UM baru-baru ini, sehingga ia menjadi polemik.

“Pandangan kami (dengan Ahmat) sebenarnya adalah sama ia (Hang Tuah) memang wujud. Kewujudan pahlawan Melaka ini sudah dibuktikan berserta hasil kajian empirikal yang dibuat ramai sejarawan.

“Malah, catatan mengenai kewujudan Hang Tuah ini turut dibuktikan dalam manuskrip la-

ma di Jepun dan Turki, selain catatan peribadi penakluk dari Portugal, Alfonso de Albuquerque sendiri serta catatan apotekari (ahli perubatan) Portugis, Tome Pires,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mengapa masih wujud tanggapan cerita Hang Tuah ini mitos, Rohaidah berkata, ia bersandarkan dua hakikat iaitu masyarakat tidak mengambil berat pada sejarah serta geografi Malaysia sendiri yang pernah dijajah.

## Banyak bukti hilang

“Selepas kejatuhan empayar Melaka, Tanah Melayu dijajah oleh pelbagai kuasa termasuk Jepun dan British dan Portugis. Jadi banyak bukti yang sepatutnya ada waktu itu kini sudah hilang.

“Ia berbeza dengan kerajaan Turki Uthmaniyah, mereka tidak pernah dijajah dan sebab itu peradaban sejarah mereka terpelihara sehingga sekarang. Kita tidak, banyak dokumen penting yang mungkin sudah berada di luar negara, maka kita kena gali (cari) balik,” katanya.

Selain sebilah keris luk sembilan yang ditemui pada tahun 2002 di Kuil Engakuji, di Okinawa, Jepun serta dokumen rasmi 19 surat Empayar Ryukyu ‘Rekidai Hoan’ berkaitan perutusan antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan di bawah jajahan China, Rohaidah berkata pihaknya turut menemui sebuah kilang meriam besi yang ada kaitan dengan kepahlawanan Hang Tuah.